



## PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE: IBU BAPA

Notis Perlindungan Data Peribadi Pekerja-Pekerja ("Notis") ini menyatakan bagaimana SYARIKAT PENDIDIKAN STAFFIELD BERHAD (No. Syarikat: 171840) yang juga dikenali sebagai KOLEJ TUANKU JA'AFAR ("Kolej") mengumpulkan, menggunakan, merekodkan, memegang, menyimpan, memproses, mendedahkan, melindungi dan menjalankan apa-apa perlaksanaan (perlaksanaan-perlaksanaan) ke atas Data Peribadi pelajar-pelajar, pelajar-pelajar yang mungkin akan diterima, ibu bapa pelajar-pelajar dan pelajar-pelajar yang mungkin akan diterima, alumni Kolej dan orang lain di mana Data Peribadi mereka telah diberikan kepada Kolej ("Subjek Data"). Notis ini selanjutnya berurusan dengan perlindungan dan pemeliharaan Data Peribadi anda, dan hak-hak dan obligasi-obligasi anda berhubung dengan Data Peribadi anda. Notis ini disediakan selaras dengan keperluan-keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010.

### 1. DATA PERIBADI

1.1 "Data Peribadi" yang anda berikan atau telah diberikan kepada Kolej adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada segala maklumat berikut berkenaan dengan Subjek Data, dari mana Subjek Data mungkin akan dikenal pasti daripada maklumat tersebut, yang akan dikumpul, direkod, ditahan atau disimpan oleh Kolej, termasuk Data Peribadi Sensitif yang akan didefinisikan di perenggan 1.2 di bawah.

(a) **Untuk pelajar-pelajar dan pelajar-pelajar yang mungkin akan diterima**

Nama, nombor kad pengenalan atau nombor paspot, maklumat perhubungan, alamat kediaman, gambar, imej elektronik, jantina, umur, kewarganegaraan, tarikh lahir, butiran ahli keluarga, keputusan peperiksaan, qualifikasi akademik, pencapaian, laporan-laporan, penilaian, informasi atau rujukan dan rekod disiplin (termasuk dari sekolah terdahulu).

(b) **Untuk ibu bapa pelajar-pelajar dan pelajar-pelajar yang mungkin akan diterima**

Nama, nombor kad pengenalan atau nombor paspot, maklumat perhubungan, alamat kediaman, gambar, imej elektronik, jantina, umur, kewarganegaraan, tarikh lahir, nombor lesen kereta dan nombor pendaftaran kereta, pekerjaan, butiran pasangan atau ahli keluarga, status/sijil perkahwinan dan butiran akaun bank.

(c) **Untuk alumni**

Nama, nombor kad pengenalan atau nombor paspot, maklumat perhubungan, alamat kediaman, gambar, imej elektronik, jantina, umur, kewarganegaraan, tarikh lahir, tahun-tahun belajar di Kolej, destinasi university, ijazah yang sedang dibelajar atau telah diperolehi dan maklumat pekerjaan.

1.2 "Data Peribadi Sensitif" yang anda telah berikan atau telah diberikan kepada Kolej adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada segala maklumat berikut berkenaan dengan Subjek Data atau lain-lain Data Peribadi yang berunsur sensitif.

**(a) Untuk pelajar-pelajar dan pelajar-pelajar yang mungkin akan diterima**

Bangsa atau etnik asal, keadaan atau kesihatan fizikal atau mental, rekod kesihatan, maklumat tentang sebarang keperluan sokongan pemelajaran atau kesusahan pemelajaran, maklumat tentang sebarang ketidakupayaan fizikal atau mental, kepercayaan ugama atau falsafah anda atau lain-lain jenis kepercayaan yang serupa, perlakuan atau perlakuan didakwa anda berhubung dengan mana-mana kesalahan.

**(b) Untuk ibu bapa pelajar-pelajar dan pelajar-pelajar yang mungkin akan diterima**

Bangsa atau etnik asal, kepercayaan ugama atau falsafah anda atau lain-lain jenis kepercayaan yang serupa, perlakuan atau perlakuan didakwa anda berhubung dengan mana-mana kesalahan, status kesolvenan dan maklumat kewangan.

**(c) Alumni**

Bangsa atau etnik asal, keadaan atau kesihatan fizikal atau mental, rekod kesihatan, maklumat tentang sebarang keperluan sokongan pemelajaran atau kesusahan pemelajaran, maklumat tentang sebarang ketidakupayaan fizikal atau mental, kepercayaan ugama atau falsafah anda atau lain-lain jenis kepercayaan yang serupa, perlakuan atau perlakuan didakwa anda berhubung dengan mana-mana kesalahan.

1.3 Di samping Data Peribadi yang anda berikan kepada Kolej secara langsung (sama ada pada waktu pendaftaran dengan Kolej sebagai seorang pelajar yang mungkin akan diterima atau pada waktu kemasukan ke Kolej sebagai seorang pelajar), Kolej juga mungkin akan mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber-sumber lain di mana anda telah memberikan persetujuan anda bagi pendedahan maklumat berhubung dengan anda dan/atau di mana sebaliknya adalah dibenarkan mengikut undang-undang, termasuk tanpa had, daripada pihak-pihak ketiga menerusi rujukan atau sumber-sumber yang sah, institusi-institusi pendidikan yang lain, keputusan carian CTOS, keputusan carian CCRIS, keputusan carian kebankrapan, atau menerusi akses anda kepada laman web Kolej di mana suatu "HTTP cookie" mungkin akan dihantar daripada laman web dan disimpan dalam computer anda atau peranti oleh pelayar web anda semasa anda melayari.

1.4 Ianya adalah sukarela bagi anda untuk membekalkan Data Peribadi anda kepada Kolej. Walaubagaimanapun, jika anda tidak memberikan Data Peribadi anda, Kolej mungkin tidak boleh menjalankan tujuan-tujuan yang disenaraikan di perenggan 2.1 di bawah secara efektif atau untuk mana-mana tujuan yang tidak disenaraikan secara spesifik di sini tetapi adalah perlu bagi tujuan Kolej melaksanakan mana-mana hak atau obligasi berkenaan dengan pemberian perkhidmatan Pendidikan atau memelihara kepentingan penting Subjek Data.

**2. TUJUAN-TUJUAN MENGUMPUL DAN MEMPROSES DATA PERIBADI**

2.1 Data Peribadi Subjek Data akan digunakan dan diproseskan oleh Kolej bagi tujuan-tujuan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang di bawah:

- (1) untuk menyediakan dan menguatkuasakan segala borang-borang, dokumen-dokumen dan perjanjian-perjanjian yang diperlukan untuk tujuan pendaftaran dan/atau penerimaan
- (2) dan kemasukan pelajar-pelajar yang mungkin akan diterima dan pelajar-pelajar termasuk penyusunan pelajar-pelajar untuk kemasukan ke papan pemeriksaan luaran;
- (3) untuk membolehkan Kolej untuk menjalankan atau melaksanakan apa-apa perkhidmatan atau fungsi-fungsi bagi tujuan untuk atau berkenaan dengan perenggan (1) di atas;
- (4) untuk pentadbiran senarai pelajar-pelajar yang mungkin diterima atau pelajar-pelajar Kolej;
- (5) untuk pentadbiran prosedur pemilihan Kolej;
- (6) untuk menjalankan tujuan-tujuan pentadbiran dalaman Kolej;
- (7) untuk melakukan atau terlibat dalam apa-apa kajian atau kaji selidik pasaran yang dijalankan oleh suatu syarikat pihak ketiga dengan sasaran termasuk tetapi tidak terhad kepada memperbaiki perkhidmatan Pendidikan yang diberikan oleh Kolej;
- (8) untuk menjalankan apa-apa carian CTOS, CCRIS atau kebankrapan ke atas anda atau mana-mana pihak ketiga, sekiranya perlu;
- (9) untuk kegunaan di penerbitan Kolej atau mana-mana pihak ketiga atau siaran akhbar untuk meraikan aktiviti-aktiviti Kolej atau pelajar-pelajar, pencapaian atau kejayaan;
- (10) untuk pembekalan maklumat dan suatu rujukan untuk pelajar-pelajar kepada mana-mana institusi pendidikan di mana ibu bapa mencadang bahawa pelajar mungkin akan menghadiri;
- (11) untuk penyampaian notis penting berkenaan dengan apa-apa perubahan kepada acara, aktiviti, polisi atau peraturan Kolej yang mungkin akan mempengaruhi anda;
- (12) untuk menjalankan Analisa statistik;
- (13) untuk mengekalkan suatu hubungan yang baik dengan anda;
- (14) untuk menjaga dan memelihara kepentingan dan kebijakan pelajar-pelajar;
- (15) untuk Kolej berkomunikasi dengan anda atau menghubungi anda untuk segala tujuan yang dinyatakan di atas; dan

(16) untuk Kolej mematuhi apa-apa keperluan undang-undang atau peraturan berkenaan dengan pemberian perkhidmatan pendidikan oleh Kolej di bawah apa-apa undang-undang, peraturan, undang-undang kecil, garis panduan, arahan-arahan terpakai atau apa-apa perintah Mahkamah yang terpakai kepada Kolej.

(17) untuk penyimpanan kami, pengehosan sandaran (sama ada pemulihan atau sebaliknya) Data Peribadi anda, sama ada di dalam dan/atau di luar Malaysia.

2.2 Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Subjek Data yang dibekalkan kepada Kolej adalah diproses sama ada oleh Kolej atau mana-mana pihak ketiga bagi pihak Kolej.

2.3 Kolej akan berkomunikasi dengan anda, bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 2.1 di atas, sama ada menerusi e-mel atau pos biasa.

2.4 Jika anda tidak bersetuju untuk Kolej memproseskan Data Peribadi anda bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan di perenggan 2.1, sila maklumkan Kolej dengan menghubungi Kolej menerusi maklumat perhubungan yang dinyatakan perenggan 6.1 di bawah.

2.5 Meskipun terdapat pernyataan di atas, Kolej mungkin memproseskan Data Peribadi Subjek Data tanpa persetujuan Subjek Data jika ia dibenarkan atau diperlukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 atau mana-mana perundangan lain yang berkenaan.

2.6 Kolej bagaimanapun tidak akan memproses atau mendedahkan Data Peribadi Sensitif Subjek Data tanpa persetujuan eksplisit Subjek Data atau melainkan diperuntukkan di bawah Seksyen 40 Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010.

### **3. PENDEDAHAN DATA PERIBADI**

3.1 Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada Kolej atau diperolehi oleh Kolej akan disimpan secara rahsia oleh Kolej. Walaubagaimanapun, ianya mungkin perlu bagi Kolej untuk mendedahkan dan memindahkan Data Peribadi Subjek Data kepada pihak-pihak yang berikut:

- (1) Jabatan kerajaan atau otoriti;
- (2) Universiti atau sekolah;
- (3) Papan pemeriksaan luaran;
- (4) Institusi perubatan, matron Kolej dan doktor yang melawat;

- (5) pusat-pusat data dan/atau pelayan yang terletak di dalam atau di luar Malaysia untuk tujuan penyimpanan data;
- (6) Pemberi kemudahan simpanan dan perisian.
- (7) Penderma biasiswa pihak ketiga atau syarikat;
- (8) Media atau syarikat-syarikat penerbitan atau platfom;
- (9) Syarikat-syarikat, entiti or pembekal perkhidmatan yang diambil oleh Kolej untuk melaksanakan perkhidmatan yang tertentu bagi pihak Kolej, termasuk yang berikut:
  - (a) Agensi atau syarikat insurans;
  - (b) Agensi atau syarikat perlancungan; dan
  - (c) Agensi atau syarikat visa atau dokumentasi perlancungan.

3.2 Kolej juga akan mendedahkan dan memindahkan Data Peribadi Subjek Data kepada mana-mana badan berkanun, badan pengawal selia, pihak-pihak berkuasa tempatan dan/atau pihak-pihak berkuasa kerajaan lain yang berkenaan di mana diperlukan, dan mana-mana orang kepada yang mana Kolej dikehendaki untuk membuat demikian menurut satu arahan atau perintah badan berkanun, badan pengawal selia, pihak-pihak berkuasa tempatan dan/atau pihak-pihak berkuasa kerajaan lain tersebut.

3.3 Data Peribadi anda mungkin disimpan sama ada dalam bentuk salinan cetak di kolej atau disimpan dalam sistem di Malaysia atau dengan penyedia perkhidmatan yang berada di luar Malaysia. Kami mungkin perlu memindahkan Data Peribadi anda ke luar Malaysia jika mana-mana pihak ketiga yang disebut dalam Seksyen 3 (Pendedahan Data Peribadi) di atas termasuk penyedia perkhidmatan kami yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada kami berada atau mempunyai pelayan atau kemudahan simpanan di negara luar Malaysia.

3.4 Anda membenarkan kami untuk memindahkan Data Peribadi anda ke luar Malaysia kepada mana-mana pihak ketiga dan untuk tujuan-tujuan seperti yang ditetapkan di dalam Seksyen 2 (Tujuan Memproses Data Peribadi).

#### **4. E-MEL DAN LAMAN WEB**

4.1 Sebarang Data Peribadi yang diberikan melalui pendaftaran anda menerusi laman web Kolej dan sebarang Data Peribadi yang terkandung dalam e-mel dan mesej-mesej “Hubungi Kami” yang dihantar melalui laman web Kolej kepada Kolej akan digunakan dan diproseskan

dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kandungan pesanan-pesanan akan diawasi dengan ketat oleh Kolej.

4.2 Jika anda tidak mengingini Data Peribadi anda dikumpul melalui “cookies” di laman web, sila konfigurasikan pelayar internet anda untuk memadamkan atau menyahaktifkan “cookies”.

4.3 Laman web Kolej mungkin mengandungi pautan ke laman web dan laman-laman lain yang tidak dimiliki oleh Kolej. Kolej tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang Data Peribadi atau maklumat yang anda mungkin berikan kepada lain-lain entiti melalui pautan tersebut.

## 5. PERLINDUNGAN DAN PEMELIHARAAN DATA PERIBADI

5.1 Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada Kolej hendaklah disimpan dengan selamat oleh Kolej menerusi langkah-langkah dan prosedur-prosedur pentadbiran dan keselamatan yang munasabah dan wajar untuk menghalang sebarang pemprosesan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang, kehilangan atau kerosakan kepada, penggunaan salah, pengubahsuaian, pengubahan atau penghapusan kepada Data Peribadi.

5.2 Kolej akan berusaha untuk mengambil segala langkah-langkah bagi memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kecekapan kakitangan Kolej yang mempunyai akses kepada Data Peribadi termasuk bagi memastikan bahawa semua pihak-pihak ketiga yang terlibat dalam pemprosesan Data Peribadi anda telah mengambil langkah-langkah dan prosedur-prosedur pentadbiran dan keselamatan yang munasabah dan wajar untuk menghalang sebarang pemprosesan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang, kehilangan atau kerosakan kepada, penggunaan salah, pengubahsuaian, pengubahan atau penghapusan kepada Data Peribadi anda.

5.3 Sebarang Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada Kolej akan disimpan oleh Kolej selagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 2.1 di atas dikehendaki untuk dipenuhi, atau jika pemeliharaan sedemikian adalah perlu selaras dengan mana-mana keperluan-keperluan undang-undang, peraturan-peraturan atau perakaunan.

5.4 Sekiranya Data Peribadi tidak lagi diperlukan oleh pihak Kolej, pihak kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan ia dimusnahkan secara kekal.

5.5 Pihak Kolej mungkin perlu memindahkan dan menyimpan Data Peribadi di luar Malaysia sebagai proses sistem maklumat dan sumber tambahan. Untuk tujuan ini, anda perlu bersetuju dengan pihak Kolej untuk memindahkan dan menyimpan Data Peribadi di luar Malaysia.

## 6. PERMINTAAN UNTUK MENGAKSES DAN MEMBETULKAN DATA PERIBADI ANDA

6.1 Kolej akan mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Walaubagaimanapun, anda boleh pada bila-bila masa selepas ini meminta akses kepada, atau meminta untuk pembetulan atau pemindaan Data Peribadi Subjek Data, atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi Subjek Data oleh Kolej, mengikut mana yang berkenaan, namun adalah tertakluk kepada pengecualian-pengecualian dan sekatan-sekatan sebagaimana yang terkandung di bawah undang-undang terpakai. Sekiranya Subjek Data adalah di bawah usia 18, ibu bapa boleh berbuat demikian bagi pihak mereka. Jika anda ingin membuat demikian, sila hubungi:

**Jane Wong, Registrar**  
E: [registrar@ktj.edu.my](mailto:registrar@ktj.edu.my)  
T: +606 -850 5555

Anda juga boleh menghubungi Kolej melalui maklumat perhubungan di atas jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada Kolej.

6.2 Kolej akan berusaha untuk mematuhi dengan permintaan anda bagi mengakses atau membetulkan Data Peribadi Subjek Data dalam masa 21 hari selepas menerima permintaan anda dan membekalkan anda dengan sesalinan Data Peribadi yang diperbetulkan dan juga membekalkan kepada mana-mana pihak ketiga yang mana Data Peribadi telah didedahkan.

6.3 Sila ambil maklum bahawa Kolej mempunyai hak untuk menolak permintaan anda bagi mengakses dan/atau membuat pembetulan kepada Data Peribadi Subjek Data dalam keadaan-keadaan tertentu, yang mana termasuk tetapi tidak dihadkan kepada keadaan-keadaan di mana Kolej tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat komersial yang sulit atau sekiranya bahawa perbelanjaan memberikan akses tersebut adalah tidak seimbang terhadap risiko kepada privasi anda atau di mana pemprosesan Data Peribadi Subjek Data adalah dikawal oleh mana-mana pihak ketiga yang melarang Kolej daripada mematuhi (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian) dengan permintaan anda, atau di mana akses tersebut dikawal selia oleh undang-undang yang lain.

## 7. OBLIGASI-OBLIGASI ANDA

7.1 Anda mempunyai tanggungjawab untuk memberikan Data Peribadi yang tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini kepada Kolej mengenai Subjek Data dan mana-mana orang lain yang mana Data Peribadinya anda telah berikan kepada Kolej dan untuk mengemaskinikan Data Peribadi ketika dan apabila ianya menjadi tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini dengan menghubungi Kolej melalui maklumat perhubungan



di atas. Obligasi ini adalah syarat kepada penerusan pemberian perkhidmatan Pendidikan oleh Kolej kepada pelajar-pelajar.

7.2 Sekiranya anda perlu memberikan pihak Kolej, Data Peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga (seperti pasangan dan anak-anak), anda hendaklah terlebih dahulu memberikan pihak Kolej dokumen bertulis mereka :

- (1) memberi kebenaran kepada pihak Kolej untuk memproses data peribadi mereka (atau sekiranya orang itu adalah anak anda dan di bawah umur, anda hendaklah memberi kebenaran kepada pihak Kolej untuk memproses data peribadinya); dan
- (2) pengakuan bahawa mereka telah membaca Notis Perlindungan Data Peribadi Kolej, yang boleh didapati di laman web Kolej di <https://www.ktj.edu.my/about-us/policies-and-handbooks>

## 8. PINDAAN KEPADA NOTIS

Kolej mengekalkan hak untuk untuk meminda atau mengubah suai Notis ini dari masa ke semasa tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada anda dan versi terkini akan terpakai dan menggantikan sebarang dan semua versi-versi yang terdahulu. Sila menyemak laman web Kolej bagi versi terkini Notis ini.

## CONTACT

**Dr Glenn Moodie, Principal**

E: [principal@ktj.edu.my](mailto:principal@ktj.edu.my)

T: +606 -850 5555